



Ruj : UKM KPD/262/2
Tarikh : 5 November 2018

Semua Pelajar Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

1. PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019
2. PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2018-2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke mulai 19 November hingga 2 Disember 2018 sebelum membuat pendaftaran awal Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019.

Seterusnya, saudara/i diwajibkan membuat pendaftaran awal kursus Semester 2 Sesi Akademik 2018-2019 bermula 19 November hingga 2 Disember 2018 di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing. Pendaftaran awal ini penting bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.

Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar menggugurkan atau menarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Sebarang kesulitan sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3994. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

NOOR SUZILAWATI BINTI DESA

Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program, FTSM
- Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP
- Eksekutif, Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar, PKP

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN
Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>